

Surcaj dikenakan bagi pegawai cuai

UM 27 SEP 2001

PULAU PINANG 26 Sept. Kementerian Kewangan akan mengenakan surcaj atau bayaran tokok ke atas pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang didapati cuai atau mclengah-lengahkan proses bayaran kepada kontraktor yang telah menyiapkan projek pembinaan mereka.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Shafie Mohd. Sallrh berkata, penalti tersebut akan dikenakan kepada pegawai terlibat khusus pegawai pengawal kewangan menurut kadar yang dibenarkan dalam Perintah Am.

Menurut beliau, kementerian melalui skuad bergerak akan memantau urusan pembayaran kepada kontraktor bagi memastikan golongan itu mendapat bayaran tepat pada masanya.

Katanya, urusan pembayaran tersebut meliputi yang dibuat oleh semua kementerian, kerajaan negeri dan kalangan kontraktor utama kepada kontraktor kecil.

"Bayaran kepada kontraktor harus diprcccpatkan agar sektor pembinaan terus bergerak seterusnya meningkatkan pusingan ekonomi negara," katanya selepas merasmikan Seminar Cukai Zon Utara 2001 di Hotel City Bayview di sini, hari ini.

Shafie menyatakan demikian sebagai mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam mengenai pakej rangsang ekonomi sebanyak RM4.3 bilion bagi menangkis kelembapan ekonomi serantau.

Baru-baru ini Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsudin Hitam dalam surat perkhidmatan yang dikeluarkan menegaskan bahawa jemaah menteri memandang berat terhadap kelewatan bayaran bil.

Dijelaskan

Justeru, kata beliau, bil-bil hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari dan pegawai yang gagal mematuhi peraturan tersebut boleh diambil tindakan surcaj.

Jelas beliau, kajian yang dijalankan oleh Perbendaharaan pada Jun lalu mendapati sebahagian besar agensi yang diperiksa tidak menyenggara daftar bil dengan sempurna.

Dengan demikian, pegawai pengawal tidak dapat mengesan kelewatan pembayaran bil dan tindakan surcaj tidak dapat diambil ke atas pegawai berkenaan, tambah Samsudin dalam surat pekeliling berkenaan.

Sehubungan itu, beliau mengesyorkan empat pendekatan antaranya menyediakan daftar bil bagi meliputi semua tuntutan bayaran daripada peruntukan perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Perintah Am memperuntukkan seksyen atur cara kewangan yang membolehkan kakitangan awam yang didapati bersalah kerana cuai dikenakan bayaran surcaj dan bayaran bergantung kepada kesalahan.

Pada awal tahun, ini kerajaan telah menubuhkan Unit Aduan Bayaran Lewat bagi melayani sebarang aduan pembayaran lewat. Unit ini bertanggungjawab untuk menerima aduan daripada pembekal atau kontraktor yang menghadapi masalah mendapat bayaran daripada agensi-agensi kerajaan termasuk badan-badan berkanun, syarikat-syarikat kerajaan dan pihak swasta.

Mengulas lanjut mengenai pakej diumumkan semalam, Shafie memberitahu, suntikan wang kepada sektor pembinaan dapat menggerakkan 140 aktiviti dalam sektor tersebut seperti pembuatan keluli dan bata.

Beliau berkata, kementerian serta jabatan kerajaan perlu memastikan peruntukan untuk pembangunan ada sebelum melantik mana-mana kontraktor untuk menjalankan tugas pembinaan bagi mengelakkan kegagalan pembayaran apabila projek disiap.

Menurutnya, kementerian telah mengedarkan borang semakan yang mengandungi prosedur mengenai peruntukan dan bayaran pertama untuk sesuatu projek pembinaan kepada semua kementerian, jabatan dan kerajaan negeri bagi memudahkan urusan tersebut.